

By Kosmo, 11 November 2021

MAFI lancar laman mikro baharu minggu Pertanian Lestari

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) melancarkan laman mikro baharu semalam bersempena minggu Pertanian Lestari di Dubai pada 20 hingga 26 Februari 2022.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiang berkata, laman mikro baharu itu menampilkan berita, program, pameran, syarikat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 yang akan dihoskan oleh MAFI.

"Laman mikro ini dibangunkan bagi memudahkan pengguna untuk melayari maklumat yang relevan dan sumber yang luas mengenai pertanian lestari di Malaysia, memandangkan tidak semua dapat menghadiri ekspo tersebut secara fizikal.

"Laman mikro merupakan medium penghubung bagi penglibatan perniagaan untuk membolehkan pelawat berhubung dengan syarikat dan agensi yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari itu kelak," kata beliau

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Ronald, menerusi laman mikro itu, pihaknya berhasrat untuk menyebar luas, mendidik dan berkomunikasi dengan orang ramai di seluruh dunia bagi memacu pertanian lestari di peringkat antarabangsa.

"Kami menjangkakan penglibatan yang berterusan dan perkongsian strategik sepanjang penglibatan kami di Ekspo 2020 Dubai dengan adanya laman mikro ini.

"Pengguna boleh mengakses maklumat setiap syarikat, riasalah produk dan video bagi mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan peserta dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari itu nanti," ujarnya.

Laman mikro itu turut memberikan tumpuan kepada bidang pertanian kelestarian yang akan diketengahkan pada ekspo tersebut termasuklah kesejahteraan biodiversiti, pertanian dan penyelesaian bandar pintar, ke-

kayaan daripada sisa dan lain-lain lagi.

Pengguna juga boleh melibatkan diri dalam pepadanan perniagaan dan mengikuti program yang merangkumi demonstrasi produk dan masakan, ceramah, dan program jaringan.

"Laman mikro ini akan sentiasa dikemas kini dengan informasi terkini berkaitan dengan MAFI," katanya.

Laman tersebut boleh dilawati melalui pautan <https://www.mafi-events.com>.